

**GAGAK JERIT**  
Crested Jay

FAMILI: Corvidae  
NAMA SAINTIFIK: *Platylophus galericulatus*



**CIRI-CIRI**

Spesies ini biasanya berada dalam kumpulan yang kecil, pada bahagian tengah dan bawah lapisan hutan dan mengeluarkan bunyi yang bisung. Individu dewasa mempunyai keseluruhan bulu berwarna hitam. Ia mempunyai ekor yang pendek, jalur putih yang lebar pada tepi leher dan jambul yang panjang, tirus dan menghala ke hadapan. Individu juvenil pula mempunyai bahagian atas badan yang berwarna kecoklatan manakala pada bahagian bawah badan terdapat jalur yang melintang dan berwarna putih. Jambul pada kepala pula agak pendek dan terdapat sedikit warna kuning pucat pada hujungnya. Individu yang belum matang mempunyai warna seperti individu dewasa tetapi terdapat jalur melintang yang berwarna pucat pada bahagian bawah badan. Selain daripada itu, terdapat jalur berwarna putih pada tekak dan juga dada. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa adalah di antara 31-33 sm.

**MAKANAN**

Dietnya adalah pelbagai, terdiri daripada invertebrata yang besar, reptilia, amfibia, anak burung, telur, buah-buahan dan bangkai.

**HABITAT**

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di hutan dipterokarp sehingga ke ketinggian 1, 220 m dari aras laut.

**BUNYI**

Spesies ini mengeluarkan bunyi seperti serunai tetapi agak pelik, didahului dengan bunyi siulan *pssssiu HI-WU* yang nyaring dan bernada tinggi. Bunyi ini diulang setiap beberapa saat. Spesies ini juga mengeluarkan bunyi *tit'it'it'it'it'it'...* yang cepat.

**PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Jun hingga Julai dan Oktober hingga Februari. Individu betina boleh menghasilkan antara satu hingga dua biji telur yang berwarna hijau kebiruan yang pudar dengan bintik coklat dan ungu, semasa musim pembiakan. Sarangnya kukuh, berbentuk seperti cawan yang cetek dan di bina pada dahan pokok, kira-kira 2 meter dari tanah.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.  
IUCN, hampir terancam.